



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 5 TAHUN 1984

**PERATURAN MENGENAI KELAYAKAN CUTI BERSALIN
DI BAWAH PERINTAH-PERINTAH AM 25 DAN 26,
BAB "C"**

Tujuan

Tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini ialah bagi melaksanakan keputusan Kerajaan untuk meminda peraturan mengenai kemudahan Cuti Bersalin bagi pegawai wanita di sepanjang tempoh perkhidmatannya dengan Kerajaan.

Kelayakan Cuti Bersalin

2. Kerajaan telah bersetuju supaya peraturan-peraturan berikut dipakai berhubung dengan Cuti Bersalin bagi pegawai-pegawai wanita yang melahirkan anak. Peraturan-peraturan yang berkenaan adalah seperti berikut :

- (a) Ketua Jabatan boleh meluluskan Cuti Bersalin bergaji penuh selama 42 hari mulai dari hari anak itu dilahirkan, termasuk cuti hujung minggu dan hari kelepasan am, kepada pegawai-pegawai wanita, termasuk guru-guru, untuk melahirkan anak 5 kali di sepanjang perkhidmatan seseorang pegawai wanita itu. Bagi sakit yang melebihi tempoh pemulihan biasa selama 42 hari itu, pegawai boleh diberi Cuti Sakit atau lain-lain cuti atas sebab kesihatan mengikut peraturan-peraturan yang biasa;
- (b) Bagi tujuan bersalin yang keenam dan seterusnya, pegawai-pegawai wanita, kecuali guru-guru wanita, boleh diberi Cuti Rehat yang dilayakkinya pada tahun yang berkenaan. Jika Cuti Rehatnya sudah habis atau tidak mencukupi, pegawai boleh diberi Cuti Tanpa Gaji bagi tempoh pemulihan itu. Jumlah Cuti Rehat dan Cuti Tanpa Gaji yang digunakan bagi tujuan pemulihan ini hendaklah tidak lebih daripada 42 hari. Jika sekiranya pegawai masih sakit juga selepas tempoh 42 hari itu, ia bolehlah diberi Cuti Sakit atau lain-lain cuti atas sebab-sebab kesihatan mengikut peraturan-peraturan yang biasa;

(c) Guru-guru wanita yang bersalin bagi kali yang keenam dan seterusnya, hendaklah menggunakan peraturan-peraturan cuti seperti yang berikut:

- (i) Cuti bergaji penuh sekiranya bersalin dalam cuti penggal sekolah;
- (ii) Cuti separuh gaji bagi masa sehingga 14 hari di dalam penggal sekolah;
- (iii) Cuti tanpa gaji bagi masa yang lebih daripada (i) dan/atau (ii) di atas tetapi tidak melebihi 42 hari bagi tiap-tiap kali bersalin;
- (iv) Cuti Sakit atau lain-lain cuti atas sebab-sebab kesihatan boleh diberi sekiranya pegawai masih juga sakit selepas masa pemulihan selama 42 hari itu, mengikut peraturan-peraturan yang biasa.

Tarikh Kuatkuasa dan Pelaksanaannya

3. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh Pekeliling ini dikeluarkan. Mana-mana pegawai wanita yang telah bersalin lebih daripada 3 kali adalah tertakluk kepada perbekalan yang ada sebelum pindaan yang dinyatakan di dalam Pekeliling Perkhidmatan ini dan tidak ada pembetulan atau penyelarasan akan dibuat ke atas peraturan cuti bagi kelahiran anak selepas yang ketiga itu. Walau bagaimanapun, selepas tarikh kuatkuasa Pekeliling Perkhidmatan ini pegawai-pegawai tersebut adalah layak menikmati 2 kali lagi kemudahan Cuti Bersalin sehingga jumlah keseluruhan Cuti Bersalin itu menjadi tidak lebih daripada 5 kali.

Pindaan kepada Perintah-perintah Am 25 dan 26, Bab "C"

4. Pindaan-pindaan kepada Perintah-perintah Am 25 dan 26, Bab "C" tahun 1974 yang sewajarnya akan dibuat dengan kuatkuasa kebelakangan mulai daripada tarikh berkuatkuasanya Pekeliling ini.

TAN SRI OSMAN S. CASSIM,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

1hb Jun 1984

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun.

Semua Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.